

KORBAN

Muhammad Firdaus Razali

1202115

Universiti Sains Islam Malaysia

Pak Naim menyalakan mancis dan membakar paip tembakau yang berada di mulutnya. Bunyi titisan hujan yang jatuh ke tanah beriringan dengan bunyi dentuman guruh di langit. Seseekali kilat menyambar menyinari tingkap rumah Pak Naim. Seorang tua sedang duduk di atas sofa di depan pendiang api sambil meminum kopi. Alunan muzik *jazz* yang bermain di piring hitam, serta bunyi kayu dimakan api menghiasi ruang bilik khas Pak Naim. Itulah rutin tahunannya pada setiap 6 Julai. Dia mengambil *dog tag* yang berada di atas meja di sebelahnya. Lama direnung tag tersebut. Baginya dua *dog tag* tersebut merupakan tanggungjawab dan beban yang akan ditanggung sepanjang hayatnya. Kalau bukan kerana rakan seperjuangannya, tidak mungkin dia mampu mengecapi hidup yang dia nikmati sekarang. Diberi darjah kehormatan kerana pengorbananya terhadap negara. Duduk di rumah agam yang besar dan bermacam-macam kemewahan lain yang dikecapi. Semuanya kerana pengorbanan rakan seperjuangannya. Pak Naim seorang askar veteran di bahagian perisikan yang berjaya memboloskan diri dari kemahanan perang hampir 30 tahun lalu. 6 Julai adalah tarikh dia berjaya melepaskan diri namun rakan seperjuangannya menjadi mangsa.

“Jadi apa rancangan kita?” soal Pak Naim pada kawannya Zakwan. Selepas Tentera Jepun berjaya menawan Kota Seroja, mereka mengambil askar-askar yang masih hidup untuk

dijadikan buruh paksa bagi membina landasan kereta api. Landasan kereta api tersebut akan menjadi laluan masuk senjata yang akan dibawa dari luar.

“Kita kena menyelip masuk ke dalam bilik mesyuarat mereka. Di situ kita boleh dapat maklumat tentang pergerakan dan rancangan mereka.” jawab Zakwan.

Bertindak sebagai anggota perisik, Pak Naim bersama dua orang rakannya yang lain merancang cara untuk mendapatkan maklumat tentang pihak musuh dan melaporkan kepada Kerajaan Malsi.

“Aku syak bilik mesyuarat mereka di dalam bangunan tersebut. Sebab tempat itu dijaga rapi dan terletak di tempat yang terpencil” sambung Tuah.

“Jadi kita kena cari cara untuk menyelip masuk ke bangunan tu” tambah Pak Naim.

“Aku ada cadangan. Aku akan cuba menyelip masuk bangunan tu. Aku akan daki bukit yang berada di tepinya.

“Bukit yang curam tu? Mustahil. Tak ada tempat untuk berpijak” bantah Tuah.

“Tak apa, aku akan guna beliung untuk panjat. Aku akan panjat waktu sebelum subuh. “Aku akan masukkan ubat tidur dalam minuman mereka supaya mereka tak dengar bunyi dakian kau” cadang Pak Naim.

“Whoop-peash!” bunyi cemati dan raungan seorang pemuda memeranjatkan mereka. Mereka yang sedari tadi berpura-pura memungkah batu sambil merancang strategi, bersurai serta merta kerana takut rancangan mereka akan bocor.

Malam tersebut mereka telah berjanji untuk melaksanakan rancangan mereka. Pak Naim dan Tuah tidak dapat melelapkan mata malam tersebut kerana tenanti-nantikan Zakwan datang membawa maklumat. Namun, pada malam tersebut Zakwan tidak kembali ke khemah buruh.

Keesokan paginya mereka dikejutkan dan diarahkan untuk berkumpul di lapangan utama. Bunyi bisikan gamat memenuhi suasana bercampur dengan suasana yang tegang. Terbeliak mata Pak Naim dan Tuah dek kerana terkejut dengan apa yang dilihat. Kepala Zakwan telah dipenggal dan ditayang di khalayak umum.

“Ada antara kamu yang cuba menyelip ke dalam bilik Leftenan. Ini apa yang akan terjadi kalau kalian berani menentang kami!” suara garau seorang Leftenan Muda itu membuatkan suasana menjadi tegang.

“Kami dah seksa pengkhianat ni untuk mencari siapa rakannya tapi dia tetap tak nak beritahu walaupun kami dah potong kesemua jari tangannya. Kami cungkil mata dia dan dia masih berdegil. Jadi disebabkan dia tak berguna bagi kami, kami potong lidah dia dan pancung kepala dia!” kata-kata Leftenan Muda Akiya tadi telah mencetus amarah Pak Naim dan Tuah.

Pak Naim mengetap bibirnya.

“Aku sumpah, aku akan bunuh dia” Pak Naim bersuara dengan nada marah yang ditahan.

“Jangan biar diri kau masuk ke dalam jerat mereka. Ini perangkap untuk umpan kita. Ingat misi kita.” Tuah cuba menenangkan Pak Naim.

“Kita tak boleh biarkan perkara ni, kita kena bertindak!” cadang Pak Naim.

“Jangan terburu-buru Naim, silap langkah teruk padahnya nanti!” bantah Tuah.

“Habis berapa lama lagi kita nak duduk kat sini. Tentera mereka dah syak yang Zakwan tidak bertindak sendirian kalau dia dapat hidu kita, lagi teruk padahnya!” balas Pak Naim.

“Bertenang Naim, aku ada rancangan.” terang Tuah.

Pak Naim menyelinap keluar dari khemahnya. Dia berpura-pura untuk ke tandas bagi memulakan rancangan mereka.

“Kau gila?” Itu reaksi pertama Pak Naim selepas mendengar cadangan Tuah.

“Kau nak letupkan landasan tu lepas tu kau nak bakar bangunan Leftenan tu? Soal Pak Naim.

“Ya, dan kita akan guna suasana yang kacau bilau ketika itu untuk lari dari sini. Kita juga akan bebaskan mangsa tahanan disini. Cuma ada satu masalah, hanya aku yang ada kemahiran untuk letupkan landasan tu, dan kau yang harus pergi ke bilik mesyuarat mereka dan bakar bangunan tu!” terang Tuah dengan nada yang serius.

“Tuah, aku tak lupa siapa diri aku, aku adalah askar Kerajaan Malsi dan aku akan laksanakan tugas aku sebaiknya!” balas Pak Naim. Perlahan-lantan Pak Naim mengatur langkah. Dengan berhati-hati dia mendekati seorang askar pengawal dari belakang. Askar tersebut sedang membuat rondaan mengelilingi khemah tawanan disitu. Dengan pantas Pak Naim menerkup mulut askar tersebut dan mematahkan lehernya. Dia kemudiannya memakai pakaian askar tersebut dan menyamar sebagai askar peronda.

Seperti yang dijanjikan, Pak Naim dalam keadaan bersedia menunggu isyarat daripada Tuah untuk menyelinap masuk ke dalam pos pengawal itu. “Boom!” bunyi dentuman kuat menandakan landasan kereta api telah diletupkan. Suasana menjadi kelim kabut. Loceng

kecemasan dibunyikan. Para tawanan berlari keluar dari khemah untuk melihat apa yang terjadi. Para askar pengawal menjadi panik kerana tidak dapat mengawal suasana yang genting itu. Tawanan mula memberontak. Pak Naim tidak mensia-siakan peluang yang ada ini. Dengan mata yang tajam seperti burung helang dia melihat sekeliling dan masuk ke dalam pos pengawal selepas memastikan tiada siapa di situ. Terdapat satu peta yang dibentangkan di atas sebuah meja. Pak Naim menganalisis peta tersebut. ‘Serang hendap’ detik hatinya.

“Oii! Kau buat apa di sini?” muncul suatu suara yang memeranjatkannya.

Pak Naim menoleh ke belakang. Ternyata suara itu milik Leftenan Muda Akiya. Darah mengalir dengan laju ke seluruh tubuh Pak Naim. Reaksi mukanya mula berubah. Giginya diketap kuat, tangannya digengam sehingga mengalir darah. Menyedari perubahan Pak Naim, Leftenan Muda Akiya mengeluarkan pistol dan mengacukan kepada Pak Naim. Belum sempat dia menarik picu, Pak Naim dengan tangkas menerpa ke arah Leftenan sehingga dia hilangimbangan. Mereka bergelut di atas tanah. Pistol terlepas daripada genggamannya leftenan Akiya.

Pak Naim duduk di atas leftenan Akiya dan menumbuk mukanya bertubi-tubi. Setiap tumbukan penuh dengan perasaan dendam dan amarah. Tumbukannya dihentikan apabila Leftenan Akiya berhenti bergelut dan mukanya berlumuran darah. Walaupun jasad Leftenan Akiya sudah tidak bernyawa namun amarahnya sedikit pon tidak reda.

Alangkah malang nasib Pak Naim apabila tentera Jepun mula menyedari kehadirannya. Pak Naim segera berlari meninggalkan tempat itu apabila menyedari 20 orang tentera Jepun mula mengejarnya.

“Tangkap dia!!!” teriak salah seorang daripada mereka. Pak Naim berlari tanpa menoleh ke belakang. Dia sudah berjanji untuk berjumpa dengan Tuah 600 meter dari pos pengawal tersebut. Bunyi anjing menyalak dan berlari mengejar Pak Naim mencemaskan dirinya.

Dia berlari masuk ke dalam hutan dan mencari kelibat Tuah. Sebaik melihat kelibat Tuah dia berhenti seketika untuk mengambil nafas.

“Serang... hendap... kita kena bagi tahu pangkalan!” terang Pak Naim dalam keadaan tercungap-cungap.

“Bang!!!” bunyi tembakan pistol mematikan bicara Pak Naim. Pak Naim terkaku seketika. Tuah tersungkur ke tanah. Tiba-tiba kaki Pak Naim terasa berat. Dia seakan-akan hilang kekuatan untuk menapak. Bunyi derapan kaki askar dan salakan anjing semakin dekat. Dengan segenap kekuatan yang ada dia berlari jauh ke dalam hutan. Tidak lama kemudian dia mendengar bunyi air yang mengalir dengan deras. Dia berlari menuju ke arah bunyi air tersebut. Langkahnya terhenti apabila dia tiba disebuah tebing yang curam. Tanpa berfikir panjang, dia terus terjun ke dalam tebing tersebut untuk menyelamatkan diri. Pak Naim tergapai-gapai untuk bernafas. Arus yang laju menyukarkan dirinya untuk berenang di dalam sungai tersebut. Pandangannya makin kabur dan akhirnya matanya tertutup.

Sebaik sahaja membuka matanya. Pak Naim terasa seluruh tubuhnya bagaikan ditetak oleh pedang. Dia kini sedang terdampar di tepi sungai di antara batu dan akar-akar pokok. Dengan sedikit tenaga yang masih tersisa, Pak Naim mencari kubu pertahanan Kerajaan Malsi yang telah ditinggalkan. Dia mencari mesin *telegraph* dan menghantar kod *morse* dan menceritakan tentang serang hendap yang bakal dilancarkan.

Selepas tiga hari akhirnya pasukan penjejak Kerajaan Malsi dapat menjumpai Pak Naim yang menyorok daripada tentera Jepun. Hasil maklumat yang diberi Pak Naim, Tentera Malsi berjaya memintas laluan serang hendap tentera Jepun dan melancarkan serang balas terhadap mereka. Akhirnya tentera Jepun berundur dari pangkalan Seroja. Pak Naim dikurniakan darjah kebesaran dari Kerajaan Melayu dan dihadiahkan sebuah rumah agam serta wang persaraan yang banyak.

Selepas peristiwa itu, Zakwan dan Tuah telah menjadi sumber kekuatan Pak Naim untuk terus berbakti kepada negara. Pengorbanan mereka tiada tolok bandingnya dan Pak Naim akan selamanya berterima kasih di atas pengorbanan yang telah mereka lakukan.